

MAIWP sedia RM500,000 untuk program Gerobok Rezeki

Kuala Lumpur: Program Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Prihatin Kasih Asnaf diteruskan dengan inisiatif terbaru iaitu dengan mewujudkan Program Gerobok Rezeki di sekolah sekitar Kuala Lumpur, bertujuan meringankan bebanan golongan miskin bandar terutama B40 yang terkesan akibat pandemik COVID-19.

Selain menjadikan surau dan masjid sebagai lokasi penyaluran bantuan, kali ini sebanyak 100 sekolah rendah dan menengah membabitkan 11 kawasan Parlimen di sekitar ibu kota akan menerima sumbangan dari program Gerobok Rezeki kerjasama dengan Pengerusi Pertubuhan Keinsanan Malaysia (HUMANITY) selaku penggerak program berkenaan.

Untuk menjayakan program itu, MAIWP memperuntukkan dana kewangan berjumlah RM500,000 bagi memastikan makanan dan keperluan asas tersedia kepada golongan yang memerlukan.

Pengerusi MAIWP, Datuk Dr Mohd Daud Bakar, berkata sinergi an-

tara pihak sekolah adalah penting kerana hubungan ibu bapa dengan guru sudah lama terjalin dan kelebihan itu boleh digunakan sebagai jambatan untuk memudahkan penyaluran bantuan kepada masyarakat.

"Alhamdulillah satu lagi sinergi antara MAIWP dengan pihak sekolah untuk menggunakan kemampuan guru dan fasiliti sekolah untuk menyediakan Gerobok Rezeki. Kita sudah buat di masjid, sudah buat di pelbagai tempat.

"Tetapi hari ini satu detik bersejarah iaitu kita menggunakan tenaga pengajar kita sebagai jambatan kepada masyarakat. Jadi, ada keluarga atau mungkin terdapat keluarga murid itu mereka lebih dekat dengan guru. Mereka boleh datang ke sekolah untuk dapatkan bantuan.

"Kita sediakan RM1,000 sebulan kepada sebuah sekolah merangkumi jumlah pek makanan. Kita akan buat selama lima bulan. Mudah-mudahan selepas itu pandemik kita akan berakhir.

"Kalau (pandemik) berterusan



Mohd Daud (tiga dari kanan) menyampaikan sumbangan pada program Gerobok Rezeki secara pandu lalu di Sekolah Kebangsaan Taman Kepong. Yang turut hadir, Mohd Nizam (dua dari kanan) dan Mohamad Nizam (kanan).

(Foto Rohanis Shukri/BH)

lagi, insya-Allah, kita akan mempertimbangkan pelbagai cara saluran makanan kepada rakyat yang memerlukan bantuan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita, selepas hadir menyerahkan bantuan kepada keluarga memerlukan secara pandu lalu atau *walk in* di Sekolah Kebangsaan Taman Kepong, semalam.

Turut hadir adalah pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Mohd Nizam Yahya; Pengerusi HUMANITY, Mohamad Nizam Wahid dan Timbalan Pengarah Pendidikan Sektor Pembangunan Murid Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan, Zainuddin Mohamad.

Antara barangan yang diagihkan setiap bulan adalah berbentuk makanan kering, kelengkapan mandian, pelitup hidung dan mulut serta pensanitasi tangan.

Menerusi inisiatif Gerobok Rezeki diharapkan tiada murid akan kelaparan dan tiada keluarga yang akan mengikat perut selain dapat menyemai perpaduan serta dakwah Islamiyyah dalam kalangan murid sekolah dengan berkongsi rezeki merentasi sempadan bangsa serta agama.

Mohd Daud berkata, inisiatif kongsi rezeki ini adalah berkonsepkan Rahmatan Lil Alamin yang bersifat inklusif untuk semua tidak kira latar belakang agama mahupun bangsa.

"Kita kita adalah asaf iaitu orang Islam. Tetapi dalam zakat juga boleh diberikan secara tidak langsung kepada yang memerlukan dalam konteks muafak qulubuhum yang kita nak tarik hati mereka dan juga fisabilillah dalam konteks untuk menyamaratakan kebaji-

kan dalam masyarakat.

"*Walk in* kepada semua. Jadi, kita bawa konsep Rahmatan Lil Alamin. Konsep kita bukannya eksklusif, kita inklusif. Jadi konsep ini juga dinyatakan dalam skim pada guru tadika, pada pelbagai guru bahkan orang cacat sekalipun dalam konteks bukan beragama Islam ada peruntukan khas untuk mereka kepada OKU (orang kelainan upaya)," katanya.

Pelaksanaan Gerobok Rezeki ini juga dapat mendekatkan MAIWP dengan golongan asnaf di mana pihak sekolah boleh bertindak sebagai penyampai sekolah dan MAIWP boleh menjejaki asnaf yang memerlukan bantuan.

Masyarakat sekitar juga boleh menyalurkan maklumat asnaf kepada MAIWP melalui aplikasi Mobil Jejak Asnaf (MOJA).